

Kolej Sunway jalin kerjasama dengan NCC

KOLEJ Sunway baru-baru ini telah menandatangani satu memorandum persefahaman dengan National Computing Centre (NCC) dari Britain bagi membolehkan institusi pengajian tinggi swasta itu menawarkan kursus-kursus berasaskan NCC-UCE.

Pengetua Kolej Sunway, Elizabeth Lee berkata, melalui kerjasama itu membolehkan pihaknya menawarkan program baru meliputi Sarjana Sains Amalan Profesional, Sarjana Sains Perkhidmatan Maklumat serta Sarjana Muda Sains Sistem Maklumat Perniagaan.

Menurut beliau, program Sarjana Sains itu dirancang bagi pelajar yang berminat meneruskan pengajian mereka dalam bidang teknologi maklumat (IT) sama ada untuk pelajar kolej itu atau pihak luar.

"Kami sentiasa berusaha untuk meluaskan skop kursus dan mencari peluang mengadakan perkongsian bijak seperti ini dalam usaha menawarkan yang terbaik kepada pelajar kami," katanya.

Beliau berkata demikian sempena majlis menandatangani perjanjian persefahaman itu di Petaling Jaya baru-baru ini.

Pada majlis itu Elizabeth menandatangani bagi pihak Kolej Sunway manakala NCC diwakili oleh Pengerah Urusannya, Rick Firth. Turut hadir, Pemangku Pengerah British Council, Tony Crocker.

Elizabeth berkata, program baru tersebut akan memberikan lebih banyak pilihan kepada Sekolah Teknologi Maklumat dan Multimedia Sunway dalam memenuhi kehendak peribadi setiap pelajar.



ELIZABETH LEE dan Rick Firth (tengah) bersiap sedia untuk menandatangani perjanjian persefahaman disaksikan oleh Tony Crocker, di Petaling Jaya baru-baru ini.

Beliau berkata, pihaknya juga sentiasa meninjau lebih banyak pilihan lain untuk para pelajarannya memanfaatkan sepenuhnya kemudahan dan peralatan canggih yang disediakan.

"Kolej kami baru sahaja mendapat status sebagai syarikat Koridor Raya Multimedia (MSC) dan kami sedang menyiapkan diri untuk membekalkan tenaga kerja berkemahiran untuk MSC dan industri IT melalui kursus-kursus berorientasikan teknologi itu," katanya.

Selain menjalin hubungan dengan NCC, kolej itu juga turut mempunyai hubungan serupa dengan beberapa pihak di luar negara serta beberapa syarikat tempatan.

Antaranya ialah Universiti Guildhall London, Institute of Commercial Management, ITC Standard Sdn. Bhd., UBS Corp. Sdn. Bhd., Sun Microsystems

serta Oracle.

Beliau berkata, kolejnya juga turut mengadakan program kembar dengan beberapa universiti luar negara seperti Western Michigan University (AS) dan Victoria University of Technology (Australia).

Di samping itu, Kolej Sunway sendiri mempunyai keupayaan teknologi tinggi serta pelbagai kemudahan lain bagi menampung kehendak para pelajar.

Ini termasuk sembilan makmal komputer untuk mengajar dan latihan praktikal dengan setiap makmal dilengkapi 220 rangkaian komputer peribadi serta kemudahan Internet.

Bagi pelajar yang ingin berekreasi dan menjalankan penyelidikan, pihaknya juga mempunyai akses ke Pusat Sumber Multimedia yang juga dihubungkan dengan Internet, kata.

This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.